



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 27 OGOS 2020

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11.	LOGO BAHARU MAFI DILANCARKAN, NASIONAL, SH -13 AGRO SHOWCASE, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2 MAHA 2020 EDISI HIBRID, NASIONAL, SH -5 MAHA 2020 GABUNG PAMERAN FIZIKAL, MAYA, NASIONAL, BH -16 MAHA 2020 TAMPIL KONSEP HIBRID, NASIONAL, KOSMO -6 MAHA 2020: KONSEP SECARA HIBRID, DALAM NEGERI, UM -12 MAHA 2020 BUAT JULUNG KALINYA AKAN DILAKSANAKAN SECARA HIBRID, UTUSAN BORNEO -ONLINE AGRICULTURE, GARDENING AND FARM TOURISM FAIR TO BE HELD ON NOV 26, CENTRAL, CHINA PRESS -C3 AGRICULTURE EXHIBITION TO BE HELD IN 'MIXED' SETTINGS THROUGH ONLINE AND ACTUAL VENUE, METRO EDITION A, SIN CHEW DAILY -4 NO PLAN TO IMPORT PADDY SEEDS FOR NOW, HOME, BORNEO POST (KK) -7 BAWAH 18 TAHUN DILARANG MASUK, DALAM NEGERI, UM -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
12.	MMEA IMPOUNDS LOCAL FISHING BOATS FOR VIOLATING FISHERIES ACT, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13.	KERJASAMA KENAL PASTI PUNCA PEMBIAKAN LALAT, NASIONAL, BH -25	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
14. 15. 16.	TIADA CADANGAN IMPORT BENIH PADI, DEWAN RAKYAT, HM -16 TEKNIK SEPUH HASILKAN PRODUK BERMUTU TINGGI, DALAM NEGERI, UM -33 KAEDAH SEPUH BESI BUAT BILAH PISAU LEBIH TAJAM, NEGARA, KOSMO -15	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
17.	USIA BUKAN HALANGAN JADI PELADANG BERJAYA, DALAM NEGERI, UM -33	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
18. 19. 20. 21.	'LOCAL PADI YIELDS MORE THAN IMPORTED ONES', NATION/NEWS, NST -9 KERESAHAN PESAWAH BERAKHIR, DALAM NEGERI, UM -31 BERNAS SENTIASA TERIMA PADI PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -31 ISU PENYELUDUPAN BERAS MASUK DEWAN RAKYAT, HEAD TOPICS -ONLINE	PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS)
22. 23. 24. 25. 26. 27. 28. 29. 30. 31. 32. 33.	BEBAS BOLEH HILANG DEPOSIT DI SLIM, NEGERI, HAKAKAH -N12 DURIAN FARMERS PLAN PETITION, HOPE KING WILL INTERVENE IN DISPUTE, NEWS/NATION, NST -12 SYOR BERI KELULUSAN PEKEBUN DURIAN BERJAYA LAKSANA PROJEK, NASIONAL, BH -25 TEBANG DURIAN, KERAJAAN NEGERI 'BRTERIMA KASIH', DALAM NEGERI, UM -8 NGA KOR MING: DURIAN ORCHARD AWARDED TO BUSINESS GROUP WHO LOSE RM2.7 MIL, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A22 NGA KOR MING SAYS ROYAL PAHANG DURIAN GROUP SUFFERS ALMOST RM2.7MIL LOSSES, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -14 'ROYAL DURIAN LOSES RM2.7 MIL', NATION, SIN CHEW DAILY -17 RAUB DURIAN ORCHARDS GRANTED TO LOSS-MAKING COMPANY, NEWS, GUANG MING DAILY -A6 ELAK KERAJAAN TANGGUNG RUGI BESAR, NASIONAL, SH -11 JADIKAN PEKEBUN DURIAN RAKAN KONGSI STRATEGIK, NASIONAL, SH -11 PEKEBUN MUSANG KING PERLU DIBELA, NASIONAL, SH -10 SENARAI 20 KEMENTERIAN DIDEPAHKAN, NASIONAL, SH -2	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Logo baharu MAFI dilancarkan

Seiring penjenamaan semula Kementerian itu di bawah kerajaan Perikatan Nasional

Oleh RATHAM MOHD SANUSI

**SERDANG**

**L**ogo baharu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dilancarkan semalam seiring dengan penjenamaan semula Kementerian itu di bawah kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, seiring dengan pembentukan Kabinet baharu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas-Tani kini dinamakan sebagai MAFI.

"Logo baharu ini diperkenalkan sesuai dengan penjenamaan



Ronald (dua dari kiri) diiringi Che Abdullah (dua dari kanan) pada majlis memperkenalkan logo baharu MAFI di MAEPS Serdang semalam.

kementerian ini yang dibuat Perdana Menteri.

"Semoga penjenamaan semula kementerian ini dapat memberikan semangat baharu untuk sama-sama kita memajukan sektor pertanian di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pra Pelancaran Peranan Pertanian, Hortikultur

dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA) 2020 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi dan Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Zainal Azman Abu Seman.

Sempena majlis pra pelan-

FOTO: ASRI ASWAN DI SHUKOR



Ronald menyempurnakan acara pelepasan konvoi 20 kemerdekaan sempena sambutan Hari Kemerdekaan peringkat Kementerian tersebut.

caran itu, sesi pengenalan logo baharu MAFI itu dilakukan serentak dengan sambutan Hari Kemerdekaan peringkat Kementerian itu.

Sebagai simbolik sambutan Hari Kemerdekaan itu, sebanyak 20 Kementerian jabatan, agensi dan persatuan di bawah MAFI berkonvoi mengelilingi Putrajaya.

Acara pelepasan seramai 50

peserta konvoi itu termasuk daripada Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) disempurnakan oleh Ronald.

Ronald berkata, sambutan kemerdekaan itu dilakukan bagi menyemarakkan lagi semangat kemerdekaan di peringkat Kementerian.

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA  
SURAT

27/8/2020

THE SUN

NEWS WITHOUT  
BORDERS

2



**AGRO SHOWCASE ...** Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee flagging off a convoy yesterday during the soft launch of the Malaysian Agriculture, Horticulture and Agrotourism Exhibition to be held from Nov 26 to 29 at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang. - **ASHRAF SHAMSULTHE SUN**

# MAHA 2020 edisi hibrid

Tampilkan pelbagai produk baharu pertanian bersandarkan kepada teknologi terkini

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

SERDANG

Bertermakan 'Pertanian Penjana Ekonomi Negara', Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA) 2020 anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang akan berlangsung pada 26 hingga 29 November depan buat julung kalinya dibuat secara hibrid.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, edisi hibrid dilaksanakan bersesuaian dengan situasi pandemik coronavirus (Covid-19) di mana pameran dilakukan menerusi kombinasi fizikal dan maya (virtual).

"Pada MAHA 2020, kita tambah elemen pelaksanaan dalam talian iaitu pameran secara maya. Kombinasi fizikal dan maya inilah yang menjadikan konsep penganjuran MAHA 2020 secara hibrid," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pra Pelancaran MAHA 2020 yang berlangsung serentak dengan sambutan Hari Kemerdekaan dan perasmian logo MAFI di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi dan Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Zainal Azman Abu Seman.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, pameran maya MAHA 2020 adalah sebuah platform yang direka khusus bagi memenuhi keperluan perniagaan dalam industri pertanian dan makanan secara dalam talian.

"Kita menyedari bahawa pembudayaan normal baharu dalam komuniti bagi mencegah penularan Covid-19 telah menjadi *push factor* kepada penggunaan teknologi dalam banyak perkara termasuklah dalam bidang pertanian serta penganjuran MAHA ini sendiri.

"Konsep baharu penganjuran MAHA kali ini sudah semestinya akan menjadi *game changer* dalam penganjuran program *meeting, incentives, conventions* dan *exhibitions* (MICE)," katanya.

## Jualan RM300 juta

Ronald berkata, penganjuran kali ini menyasarkan penyertaan kumpulan peserta seperti syarikat swasta dan badan korporat tempatan, kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) antarabangsa dan tempatan, institusi kewangan dan golongan belia.

"Lebih 500 ruang pameran dan jualan akan disediakan pada MAHA kali ini mengikut segmen. Ini termasuklah pameran oleh kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, pameran oleh syarikat swasta dan badan korporat tempatan serta seminar dan konvensyen agromakanan.

"Ia juga membabitkan pameran makanan popular Malaysia di Ermpayar Makanan dan tidak ketinggalan juga *Farmer's Market* di mana 70 lot jualan akan disediakan untuk menjual hasil pertanian segar dari ladang pada harga yang berpatutan," katanya.



Ronald (tengah) bersama rakan strategik mengangkat plakat mempromosikan MAHA 2020 pada Majlis Pra Pelancaran MAHA 2020 di MAEPS Serdang semalam.

Berikutan wabak Covid-19 dan setiap aktiviti terhad kepada prosedur operasi standard (SOP) yang digariskan Majlis Keselamatan Negara, beliau berkata, bilangan pengunjung fizikal akan dihadkan kepada 10,000 orang sehari dan hanya mereka yang berusia 18 tahun ke atas dibenarkan masuk.

"Bagi mereka yang ingin hadir pameran fizikal, dinasihatkan agar mendaftar terlebih dahulu di laman web yang akan dilancarkan hujung bulan hadapan. Sekiranya ingin *walk-in*, ia bergantung kepada kapasiti pada hari tersebut," katanya.

Bagi penyertaan secara maya pula, beliau berkata, dianggarkan seramai 100,000 pengunjung akan menyertai pameran maya MAHA 2020 dalam tempoh empat hari tersebut.

"Berdasarkan kepada sasaran ini dan tempoh penganjurannya, kementerian menjangkakan MAHA 2020 mampu mengha-

silkan lebih RM300 juta potensi nilai jualan termasuk padanan perniagaan," katanya.

Menurutnya, sebelum ini penganjuran terakhir MAHA telah berjaya menarik seramai 3.3 juta pengunjung dan mencatatkan hasil jualan sebanyak RM215 juta.

Dalam pada itu, Ronald berkata, banyak perkara yang dapat dipelajari sejak penularan Covid-19 di seluruh dunia dan di Malaysia khususnya, lebih-lebih lagi apabila pertumbuhan ekonomi terjejas dan kebanyakan sektor mengalami pertumbuhan negatif sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Bagaimanapun, berdasarkan prestasi ekonomi negara untuk suku kedua tahun 2020, sektor pertanian masih mampu mencatatkan pertumbuhan positif.

"Ini menunjukkan dalam apa jua keadaan dan krisis yang melanda, pertanian

adalah sektor yang sangat penting dan perlu terus digerakkan dalam memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi sekaligus menjamin sekuriti makanan negara," katanya.

## Pastikan bebas Covid-19

Sementara itu, pada sidang media selepas pra pelancaran itu, Ronald berkata, kementeriannya akan memastikan penganjuran MAHA 2020 yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bebas Covid-19 dan tidak akan menjadi kluster baharu penularan pandemik itu.

"Kita juga mengharapkan pengunjung patuh kepada SOP yang ditetapkan," katanya.

Ditanya mengenai sasaran jualan potensi nilai jualan tinggi yang diletakkan kementeriannya walaupun jumlah pengunjung dihadkan, beliau menjelaskan, pendapatan itu termasuk yang dijana melalui maya daripada penyertaan pihak industri yang memamerkan produk mereka secara dalam talian.

Katanya, walaupun pengunjung berkurang tetapi akses melalui maya itu akan membolehkan capaian lebih luas.

"Kita akui ini dilema yang kita hadapi sebab MAHA sebelum ini dari segi rekod berjaya menarik kehadiran berjuta pengunjung kerana ia merupakan pameran besar-besaran industri pertanian dan agromakanan yang dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia dan rakyat negara jiran.

"Tetapi kita terikat dengan SOP yang ditetapkan kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebab kita masih berhadapan dengan Covid-19," katanya.



Ronald (kanan) yang diringi Che Abdullah Mat Nawi dan Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Zainal Azman Abu Seman, merasmikan Majlis Pra Pelancaran MAHA 2020.



Syarikat Farmfresh Milk Sdn Bhd turut menjadi rakan strategik MAHA 2020.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

# MAHA 2020 gabung pameran fizikal, maya

**Serdang:** Penularan COVID-19 ketika ini mendorong kerajaan menganjurkan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA 2020) secara hibrid iaitu kombinasi fizikal dan maya selama empat hari bermula 26 November ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata MAHA 2020 perlu disesuaikan dengan keadaan semasa namun aktiviti dan program yang disediakan kepada 700 pempamer akan memeriahkan pameran itu.

“Apabila diumumkan penganjuran MAHA secara hibrid, saya percaya ramai yang ingin tahu apakah MAHA hibrid. Kepada yang pernah mengunjungi MAHA sebelum ini, itu adalah konsep MAHA dilaksanakan secara fizikal.

“Tetapi untuk MAHA 2020, kita tambah elemen pelaksanaan dalam talian iaitu pameran secara maya atau virtual. Kombinasi fizikal dan maya inilah yang menjadikan konsep penganjuran MAHA 2020 secara hibrid,” katanya ketika berucap pada Prapelancaran MAHA 2020 di MAEPS, semalam.

Ronald berkata, MAHA 2020 bertema ‘Pertanian Penjana Ekonomi Negara’, dianjurkan di lokasi keramatnya dekat Ta-

man Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS).

Katanya, pameran maya MAHA 2020 adalah platform yang direka khusus bagi memenuhi keperluan perniagaan dan industri pertanian serta makanan secara dalam talian.

“Sama seperti apa yang ditawarkan oleh pameran fizikal, platform MAHA 2020 versi maya ini juga mampu untuk mengendalikan transaksi perniagaan sama ada bagi pasaran domestik mahupun luar negara.

“Pelbagai program disediakan seperti sesi perbincangan, padanan perniagaan, webinar, persidangan video serta promosi produk pameran boleh dipaparkan secara langsung seakan-akan pengalaman mengunjungi acara pameran fizikal,” katanya.

Ronald berkata, tarikan MAHA kali ini adalah mengetengahkan sembilan fokus berkaitan teknologi bidang pertanian dan pemain industri dalam usaha menarik lebih banyak jualan termasuk padanan perniagaan.

Sembilan fokus itu adalah perisian dan teknologi, pembekal input, syarikat pertanian, peniaga, pemproses, pengedar, logistik dan pengguna; perniagaan berkaitan industri lain, peranti data dan analisis serta automasi dan mesin.



MAHA 2018 merupakan ekspo dwi-tahunan terakhir diadakan sebelum pandemik Covid-19. - GAMBAR HIASAN

## MAHA 2020 tampil konsep hibrid

**SERDANG** – Penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA 2020) tampil berbeza bagi edisi kali ini apabila bakal dianjurkan secara konsep hibrid.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiang berkata, penganjuran kali ini akan ditambah elemen pelaksanaan atas talian iaitu pameran secara maya (virtual).

Katanya, kombinasi konsep fizikal dan maya itu menjadikan penganjuran MAHA 2020 yang bertemakan Pertanian Penjana Ekonomi Negara sebagai hibrid.

"Pameran MAHA 2020 secara maya merupakan platform direka khas bagi memenuhi segala keperluan perniagaan dalam industri makanan dan pertanian secara atas talian.

"Seperti yang ditawarkan pameran fizikal, platform maya itu juga mampu mengendalikannya transaksi perniagaan sama ada bagi pasaran domestik mahupun antarabangsa,"

katanya ketika berucap pada Pra-Pelancaran MAHA di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) semalam.

Tambahnya, menerusi konsep berkenaan, pelbagai aktiviti secara atas talian seperti sesi perbincangan, padanan perniagaan dan promosi produk dapat dipaparkan secara langsung.

"Kita juga sedar budaya norma baharu bagi mencegah Covid-19 dan ini menjadi faktor penolak untuk menggunakan lebih teknologi termasuklah dalam bidang pertanian serta penganjuran MAHA.

"Kementerian berharap agar MAHA 2020 boleh menarik seramai 10,000 pengunjung secara fizikal setiap hari selain lebih 100,000 pengunjung secara maya," ujarnya.

MAHA 2020 bakal berlangsung selama empat hari bermula 26 November depan di MAEPS Serdang dengan menawarkan hampir 500 ruang pameran serta jualan, kebiasaan penganjurannya diadakan setiap dua kali setahun.

# MAHA 2020: Konsep secara hibrid

Oleh AQILAH MNIOR  
KAMARULBAID

utusanews@mediamajlis.com.my

**PUTRAJAYA:** Penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA) 2020 buat jujung kalinya dilaksanakan secara hibrid bermula 26 hingga 29 November ini di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), dekat sini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, konsep tersebut selaras dengan pembudayaan norma baharu bagi memberi peluang kepada perkembangan teknologi dalam bidang pertanian dan makanan.

Katanya, penganjuran MAHA edisi hibrid itu bakal menampilkan pelbagai produk baharu pertanian bersandarkan teknologi terkini, inovasi dan strategi pemasaran serta pengeluaran melalui kombinasi fizikal serta

jemputan sehari secara fizikal dan lebih 100,000 penyertaan secara maya selama empat hari.

“Berdasarkan kepada sasaran ini dan tempoh penganjuran, Kementerian menjangkakan MAHA kali ini mampu menghasilkan lebih daripada RM300 juta potensi nilai jualan termasuk padanan perniagaan,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan majlis Pra-Pelancaran MAHA 2020, dekat sini semalam.

Menurut Ronald, pelbagai aktiviti dalam talian dijalankan seperti sesi perbincangan, padanan perniagaan, webinar serta promosi produk pameran boleh dipaparkan secara langsung seakan-akan pengalaman mengunjungi acara pameran fizikal.

“Kesan dilaksanakan secara maya adalah sama dengan fizikal, malah lebih luas walaupun jumlah pengunjung berkurangan ekoran pandemik Covid-19,” ujarnya.



**RONALD Klandee (tengah) bersama penganjur pada majlis Pra-Pelancaran MAHA 2020 di MAEPS, Serdang semalam. -UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**

maya.

Katanya, pameran secara maya merupakan platform yang direka khusus bagi memenuhi keperluan pameran perniagaan, sekali gus mampu mengawal transaksi perniagaan bagi pasaran domestik atau luar negara.

“Kementerian menyasarkan sebanyak 10,000 pengunjung

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## MAHA 2020 buat julung kalinya akan dilaksanakan secara hibrid



**HIBRID:** Ronald Kiandee melawat booth pameran pada Majlis Prapelancongan MAHA 2020 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), semalam.

**SERDANG:** Penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA 2020) yang dijadual diadakan November depan akan dilaksanakan sepenuhnya dalam suasana kebiasaan baharu.

Bertemakan 'Pertanian Penjana Ekonomi Negara' atau 'Agriculture The Driver of Malaysian Economy', MAHA 2020 pastinya melakar sejarah baharu kerana ini merupakan kali pertama penganjurannya akan diadakan secara hibrid iaitu fizikal dan maya.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kelainan konsep MAHA pada tahun ini selaras dengan pembudayaan kebiasaan baharu bagi memberi peluang kepada perkembangan teknologi dalam bidang pertanian dan makanan termasuklah mekanisme aktiviti pemedanan perniagaan, penganjuran konvensyen dan webinar serta akses kepada pameran secara maya.

"Apabila diumumkan penganjuran MAHA secara hibrid, saya percaya ramai yang ingin tahu, apa itu MAHA hibrid. Kepada yang pernah mengunjungi MAHA sebelum ini, itu merupakan konsep MAHA yang dilaksanakan secara fizikal.

"Tetapi untuk MAHA 2020, kita tambah elemen pelaksanaan atas talian iaitu pameran secara maya. Kombinasi fizikal dan maya inilah yang menjadikan konsep penganjuran MAHA 2020, secara hibrid.

"Pameran maya (virtual) MAHA 2020 adalah sebuah platform yang direka khusus bagi memenuhi keperluan perniagaan dalam industri pertanian dan makanan secara dalam talian. Sama seperti apa yang ditawarkan oleh pameran fizikal, platform MAHA 2020 versi maya ini juga mampu untuk mengendalikan transaksi perniagaan sama ada bagi pasaran domestik mahupun luar negara.

"Pelbagai aktiviti dalam talian seperti sesi perbincangan, padanan perniagaan, webinar, sidang video serta promosi produk pameran boleh dipaparkan secara langsung seakan-akan pengalaman mengunjungi acara pameran fizikal.

"Kita menyedari bahawa pembudayaan kebiasaan baharu dalam komuniti bagi mencegah penularan COVID-19 telah menjadi 'push factor' kepada penggunaan teknologi dalam banyak perkara termasuklah dalam bidang pertanian serta penganjuran MAHA ini sendiri. Konsep baharu penganjuran MAHA kali ini sudah semestinya akan menjadi 'game changer' dalam penganjuran program Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE)," katanya pada Majlis Prapelancongan MAHA 2020 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), semalam.

Tambah Ronald Kiandee lagi, lebih 700 pempamer akan memeriahkan pameran itu dan sama seperti yang ditawarkan oleh pameran fizikal, platform MAHA 2020 versi maya ini juga mampu untuk mengendalikan transaksi perniagaan sama ada bagi pasaran domestik mahupun luar negara.

"Untuk MAHA 2020, kita mengetengahkan sembilan fokus berkaitan teknologi bidang pertanian dan pemain industri dalam usaha menarik lebih banyak jualan termasuk padanan perniagaan.

"Sembilan fokus itu adalah perisian dan teknologi, pembekal input, syarikat pertanian, peniaga, pemproses, pengedar, logistik dan pengguna; perniagaan berkaitan industri lain, peranti data dan analisis serta automasi dan mesin," katanya.

Memperincikan sambutan MAHA 2020, Ronald Kiandee berkata untuk sambutan kali ini, MAHA mengehendkan 10,000 pengunjung jemputan sehari secara fizikal untuk mengurangkan perhimpunan ramai selain memastikan prosedur operasi standard (SOP) pencegahan pandemik COVID-19 dipatuhi.

"Antara garis panduan baharu yang ditetapkan, hanya peserta yang diberi kad jemputan atau mendaftar secara dalam talian sahaja dibenarkan dan kehadiran setiap peserta akan direkodkan, peserta antarabangsa pula dibenarkan terlibat secara dalam talian.

"Bagi penyertaan secara maya, pihak kementerian menyasarkan lebih 100,000 penyertaan yang melibatkan dalam dan luar negara.

"Berdasarkan kepada sasaran fizikal dan maya ini juga, kementerian menjangkakan MAHA 2020 mampu menghasilkan lebih daripada RM300 juta potensi nilai jualan termasuk padanan perniagaan sepanjang empat hari tersebut," jelas beliau.

MAHA 2020 edisi hibrid yang menampilkan pelbagai produk baharu pertanian bersandarkan kepada teknologi terkini, inovasi dan strategi pemasaran serta pengeluaran yang akan berlangsung pada 26 sehingga 29 November 2020 melalui kombinasi fizikal dan maya yang bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).



Pameran maya (virtual) MAHA 2020 adalah sebuah platform yang direka khusus bagi memenuhi keperluan perniagaan dalam industri pertanian dan makanan secara atas talian yang menawarkan pengalaman sama seperti mengunjungi pameran fizikal sekali gus mampu untuk mengendalikan transaksi perniagaan bagi pasaran domestik mahupun luar negara.

Selain pameran, terdapat juga seminar dan konvensyen berkaitan agromakanan. Disediakan juga tempat makanan popular dikenali Empayar Makanan dan tidak ketinggalan Farmer's Market di mana 70 lot jualan akan disediakan.

Headline	Agriculture, gardening and farm tourism fair to be held on Nov 26		
MediaTitle	China Press		
Date	27 Aug 2020	Color	Full Color
Section	Central	Circulation	127,822
Page No	C3	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	486 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,587
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,760



■罗南建迪（前排中）为2020年马来西亚农业，园艺和农业旅游展主持非正式推介礼；左4为仄阿都拉。

2020  
11月  
26  
星期四

## 農業、園藝和農業旅遊展 實體虛擬混合進行

（沙登26日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出，由於新冠肺炎疫情的因素，2020年大马农业、园艺和农业旅游展（MAHA 2020），将从11月26日起，以实体与虚拟展销的混合方式举行，为期4天。

他说，在沙登农业博览

馆（MAEPS）举行的2020年马来西亚农业、园艺和农业旅游展，将会有超过700个摊位参与实体展览，参展商同时可进行虚拟展销。

“虚拟展销的情况，与实体展览相似，可以进行国内或国外交易。”

罗南建迪今日为2020年马来西亚农业、园艺和农业旅游展主持非正式推介

礼后，在记者会上这麼指出。

### 舉行4天

他说，虚拟展销是为了迎合农业与食品工业的商业需求而设的平台。

他说，参展商可以在线上各种展销活动，包括讨论、商业配对、网上研讨会，以及产品展览。

他说，由於受到国家安全理事会的防疫标准作业程序约束，实体展览的每日访客人数限制1万人，并且仅限18岁以上人士入场。

罗南建迪指出，该部估计4天的虚拟展销将吸引10万名访客参与。

“我们估计，实体展览摊位与虚拟展销，将带来3亿令销售额，包括商业配对。”

农业与食品工业部第二副部长拿督仄阿都拉、秘书长拿督再纳阿兹曼，也出席这项推介礼。

Headline	Agriculture exhibition to be held in 'mixed' settings through online and actual venue		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	27 Aug 2020	Color	Full Color
Section	Metro Edition A	Circulation	288,920
Page No	4	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	208 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,303
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,909



罗纳建迪（中）表示2020年MAHA展将以现场及线上方式进行，要入场参观须事先报名，1天只限1万人入场。左二为反阿都拉；右二为再纳阿兹曼。

（沙登26日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪指出，2020年马来西亚农业、园艺及农业旅游展（MAHA）将以现场与线上的“混合”（Hybrid）方式举行，将会是该活动的一项突破。

他表示，为了遵守国家安全理事会（MKN）所制定的指南及标准作业程序（SOP），展览会设定每天参观人数限制在1万人，且只允许18岁以上入场参观。

他表示，今年的农业展主题为“农业振兴国家经济”（Pertanian Penjana Ekonomi Negara），将于今年11月26至29日（为期4天），在沙登农业博览馆（MAEPS）举办。

罗纳建迪今日出席展监会推介礼时指出，MAHA今年也以线上（与现场）的方式进行，让涉及国外市场的贸易也能完成。

他说，有兴趣参观的民众需要事先

## 農長：現場及線上「農業展」混合方式進行

透过网站报名，才可以到现场参观，报名网站预计在9月底推出。

### 将设农民市场

罗纳建迪指出，今年的展出设有农民市场（Farmer's Market），提供70个摊位于农民售卖新鲜产品。

他表示，“为期4天的活动包括网络研讨会、商业配对、视频会议，以及产品促销等活动，预计会带来高达3亿令吉的利润（包括商业配对）。”

他还说，我国今年的农业领域在疫情下依然达到增长，证明农业不管任何情况都是最重要的领域。

另外，罗纳建迪今日为该部的新标志主持亮相仪式，该部今年3月在首相慕尤丁成立新内阁后重新命名，所以希望借此能为该部注入新能量。出席者包括农业及食品工业部第二副部长拿督反阿都拉及秘书长拿督再纳阿兹曼。

Headline	No plan to import paddy seeds for now		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	27 Aug 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	7	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	76 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 212
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 636



## No plan to import paddy seeds for now

**KUALA LUMPUR:** The Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI) has no plans to import seeds from abroad due to higher yields from local rice varieties, said its Deputy Minister Datuk Ahmad Hamzah.

He said that currently MAFI had produced some early-maturing varieties that could be harvested within 110 days and produced up

to seven to 10 tonnes of rice per hectare.

"Varieties such as MR253, MR220, MR303 and MR307 produce higher yields, and the purchase of seeds from outside the country is not recommended for now," he said during the question-and-answer session in the Dewan Rakyat here yesterday.

He said this in his reply to a question from Ahmad Tarmizi Sulaiman (PAS-Sik) who wanted a clarification on whether MAFI intends to import paddy seeds from countries that are more advanced in rice production such as Thailand to ensure sufficient rice supply to meet the country's needs. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

# Bawah 18 tahun dilarang masuk

**PUTRAJAYA:** Orang ramai berusia bawah 18 tahun dan mereka yang berpenyakit tidak dibenarkan mengunjungi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA) 2020 yang berlangsung dari 26 hingga 29 November ini di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), dekat sini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, penegasan itu dibuat bagi mengelak wujudnya kluster baharu Covid-19 membabitkan penganjuran MAHA.

“Kita perlu akur dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan, malah Majlis Keselamatan Negara (MKN) hanya membenarkan 10,000 pengunjung dalam sehari,” katanya dalam sidang akbar selepas merasmikan Majlis Pra-Pelancaran MAHA 2020, di sini semalam.

Tambah Ronald, orang ramai yang berminat mengunjungi pameran tersebut dinasihatkan mendaftar dalam talian melalui satu laman web yang bakal dilancarkan akhir bulan depan.



**Kita perlu akur dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.**

**RONALD KIANDEE**

“Bagi mereka yang ingin *walk in* juga dibenarkan tetapi bergantung kepada kapasiti pada hari tersebut. Keutamaan diberikan kepada mereka yang mendaftar,” ujarnya.

Beliau turut menasihatkan bakal pengunjung untuk sentiasa mematuhi SOP seperti memakai pelitup muka, menjaga penjarakan fizikal dan sentiasa lakukan sanitasi tangan.

“Ekoran pandemik ini, kita perlu lakukan kawalan dengan menghadkan jumlah pengunjung dalam satu-satu masa walaupun menyedari ada kalangan rakyat Malaysia yang kecewa tidak dapat hadir pada pameran itu nanti,” katanya.

Headline	MMEA impounds local fishing boats for violating Fisheries Act		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	27 Aug 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	7	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	233 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,177
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,532



# MMEA impounds local fishing boats for violating Fisheries Act

**KUCHING:** Two locally-registered fishing vessels were impounded by the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) in Miri on Tuesday for violating the Fisheries Act 1985.

MMEA Miri director Captain Md Fauzi Othman in a statement yesterday said the first boat was stopped some four nautical miles off Sungai Miri during an operation carried out around 8am.

"A check of the five Indonesian crewmen on board found one of them did not possess valid documents from the Malaysian Fisheries Department," he said.

He said the second vessel was stopped about an hour later near Sibuti and found to be in violation of two provisions under the Act.

"During inspection, the captain failed to provide MMEA personnel with a valid fishing licence. The vessel itself is also not permitted to employ foreigners as crew members," he said, adding the four crewmen on board were Vietnamese.

Both fishing vessels were brought to the Pulau Melayu Miri jetty for further action, while those on board were subjected to Covid-19 screening by Health Ministry personnel, he added.



Medical personnel carry out a Covid-19 swab test on one of the foreign crewmen upon the arrival of the two vessels at Pulau Melayu Miri Jetty.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	25

## Kerjasama kenal pasti punca pembiakan lalat

**Simpang Renggam:** Jabatan Pertanian dengan kerjasama Jabatan Kesihatan dan Jabatan Veterinar negeri Johor akan bergerak bersepadu untuk mengenal pasti punca pembiakan lalat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap khususnya di Kampung Datuk Ibrahim Majid di Simpang Renggam.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar, Datuk Samsol Bari Jamali, berkata pihaknya sudah menerima maklumat berkaitan bantahan penduduk terhadap pembinaan ladang ternakan ayam yang baharu di kampung berkenaan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap, Abdul Taib Abu Bakar.

Katanya, perkara ini juga sudah dimaklumkan kepada Jabatan Veterinar Johor untuk membuat siasatan secara terperinci masalah dibangkitkan penduduk.

"Mereka juga diarahkan untuk membuat lawatan ke atas semua pengusaha ladang ternakan ayam di kawasan berkenaan bagi mengenal pasti punca pembiakan lalat ini.

"Saya amat mengambil berat mengenai masalah dihadapi penduduk kampung dan sedang berusaha mengatasinya," katanya. Samsol Bari berkata demikian ketika mengulas laporan mengenai bantahan penduduk di Kampung Datuk Ibrahim Majid berkaitan pembinaan ladang ternakan ayam serta masalah lalat, semalam.

Dalam pada itu, Samsol Bari berharap semua pengusaha ladang ternakan ayam memenuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan di premis masing-masing setiap masa agar penduduk tidak terkesan dengan segala masalah yang dilaporkan.

BH semalam, melaporkan kira-kira 9,000 penduduk di lapan perkampungan sekitar Bandar Baru Ibrahim Majid membantah cadangan pembinaan ladang ternakan ayam yang baharu berhampiran kampung berkenaan.

Bantahan itu dilakukan berikutan masalah gangguan lalat dan pencemaran bau busuk kepada penduduk yang dipercayai daripada empat buah ladang ternakan ayam yang sedia ada di kampung berkenaan.



Keratan akhbar BH semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2020	HARIAN METRO	DEWAN RAKYAT	16

# Tiada cadangan import benih padi

**Kuala Lumpur:** Kerajaan tidak bercadang mengimport benih padi atau padi hibrid dari luar negara kerana penyelidikan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) menyasarkan penghasilan varieti padi antara 15 hingga 20 peratus daripada varieti tempatan ketika ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ketika ini kementerian sudah menghasilkan beberapa jenis benih padi yang boleh dituai dalam masa 110 hari.

“Seperti MR253, MR220, MR303 dan MR307, hasilnya tidak kurang daripada tujuh tan sehektar dan mencecah 10 tan sehektar.

“Apa Yang Berhormat sebut untuk import dari luar,

varieti benih yang sudah kita hasilkan sebenarnya menjadikan hasil kita lebih tinggi berbanding import,” katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan **Ahmad Tarmizi Sulaiman (Pas-Sik)** mengenai apakah kerajaan bercadang mengimport benih padi atau padi hibrid dari negara pengeluar lain.

Katanya, keadaan cuaca dan tanah adalah berlainan dari negara luar dan untuk itu, kerajaan tidak bercadang mengimport benih padi atau padi hibrid dari luar.

Terdahulu, beliau berkata, kementeriannya buat masa ini tidak mengesyorkan penamaan padi tiga musim setahun atau lima musim dua tahun.





**SUKRI** Muhammad menunjukkan sebilah golok yang dihasilkannya di Kampung Permatang Sungkal, Pasir Puteh, Kelantan.

## Teknik sepuh hasilkan produk bermutu tinggi

**PASIR PUTEH:** Bakar, tempa dan celup (sepuh) antara proses penting yang dititikberatkan Sukri Muhammad dalam kerja-kerja pertukangan besi bagi menghasilkan bilah pisau atau golok.

Sukri, 46, berkata, kerja-kerja sepuh yang sempurna menjadikan mata pada bilah pisau atau golok tajam, sekali gus menepati citarasa pelanggan.

“Saya cukup bimbang jika kerja sepuh tidak masak merosakkan kualiti (tajam) pada bilah pisau atau golok.

“Sebab itulah sepanjang menghasilkan kerja-kerja sepuh saya memberikan tumpuan penuh bagi memastikan ia dilakukan dengan sempurna,” katanya ketika di Kampung Permatang Sungkal di sini semalam.

Sukri memberitahu, selain teknik sepuh, jenis besi turut berperanan dalam menentukan kualiti pisau atau golok.

Katanya, jika teknik sepuh dan kualiti besi digabungkan hasil kerja pertukangan bermutu tinggi.

“Antara besi yang dikedasifikasikan sebagai berkualiti ialah batang sat motosikal, mata pengorek telaga tiub dan



**Kerja-kerja sepuh yang sempurna menjadikan mata pada bilah pisau atau golok tajam sekali gus menepati citarasa pelanggan.”**

**SUKRI MUHAMMAD**

paku rel kereta api.

“Saya turut menghasilkan pedang, parang, lembing keris dan segala kerja-kerja pertukangan besi yang diminta oleh para pelanggan,” ujarnya.

Katanya, semua kerja itu dilakukan dengan penuh minat yang mula berputik sejak di usia kanak-kanak.

Menurutnya, hasil bimbingan dan bantuan dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Kelantan menerusi Program Azam Tani Tahun 2013, dia berjaya membuka sebuah bengkel pertukangan besi.



**SUKRI menempa golok yang dihasilkannya di Kampung Permatang Sungkai, Pasir Puteh semalam.**

## Kaedah sepuh besi buat bilah pisau lebih tajam

Oleh **YATIMIN ABDULLAH**

**PASIR PUTEH** – Seorang tukang besi di Kampung Permatang Sungkai di sini menggunakan teknik sepuh iaitu mencelup besi panas ke dalam air untuk menghasilkan bilah pisau atau golok yang lebih tajam.

Sukri Muhammad, 46, berkata, selain kaedah bakar dan tempa, kaedah kerja-kerja pertukangan sepuh juga mampu menjadikan bilah pisau menjadi lebih tajam.

Katanya, kerja-kerja sepuh yang sempurna akan menjadikan mata pada bilah sempurna, sekali gus menepati citarasa para pelanggan.

“Saya cukup bimbang jika kerja sepuh tidak ‘masak’ kerana ia akan merosakkan kualiti dan ketajaman bilah.

“Oleh itu, sepanjang menghasilkan kerja-kerja sepuh, saya

akan memberikan tumpuan penuh bagi memastikan ia dilakukan dengan sempurna,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, selain teknik sepuh, kualiti besi turut memainkan peranan dalam menentukan kualiti bilah pisau atau golok.

“Antara besi yang diklasifikasikan sebagai berkualiti adalah batang sat motosikal, mata pengorek telaga tiub, paku rel kereta- tapi dan banyak lagi.

“Selain itu, saya turut menghasilkan pedang, parang, lembing, keris dan segala kerja-kerja pertukangan besi yang diminta pelanggan,” ujarinya.

Tambahnya, menerusi Program Azam Tani Tahun 2013 dariada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) Kelantan, dia berjaya membuka bengkel pertukangan besi di kampung itu.

# Usia bukan halangan jadi peladang berjaya

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD  
aimyahmad@medianulla.com.my

**JASIN:** Usianya baru menginjak 23 tahun, seperti kebanyakan rakan sebaya lain, Muhammad Sharifuddin Murat juga mengimpikan kerjaya stabil seperti guru untuk mencurahkan khidmat bakti mendidik anak bangsa.

Namun, sebaik-baik perancangan manusia tiada daya melawan kuasa yang Maha Esa yang telah mengatur perjalanan hidup hambanya.

Meskipun hasrat untuk bergelar pendidik tidak kesampaian, Muhammad Sharifuddin kini mampu tersenyum kerana hanya dalam tempoh setahun, dia mengucapi kejayaan sebagai pengusaha ladang nanas varieti MD2 yang berjaya.

Semuanya bermula apabila dia menyahut cabaran bapa saudaranya, Rashid Yaakob supaya bergelar peladang sebaik sahaja tamat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Iskandar Shah, Jasin beberapa tahun lalu.

"Setelah tamat tingkatan enam pada 2016, saya merancang untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana

muda dan mahu menjadi guru, namun pakcik beri cadangan agar saya menceburi bidang pertanian.

"Saya masih ingat kata-kata pakcik 'tak payah sambung belajar Din, buka ladang nanas' yang membuatkan saya terfikir dua tiga kali sebelum akhirnya menyahut cabaran beliau. Lagi pula ketika itu saya menjaga bapa yang terlantar sakit akibat strok," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Susulan itu, anak bongsu daripada tiga beradik tersebut mula menimba ilmu di ladang nanas milik bapa saudaranya di Changlun, Kedah sebelum meminta bantuan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM).

Ujar Muhammad Sharifuddin, LPNM membantu dari segi latihan termasuk kursus di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mengenai kaedah penanaman nanas.

Setelah memulakan penanaman sejak Mac tahun lalu, Muhammad Sharifuddin wajar berbangga dengan hasil titik peluhnya sendiri apabila hasil pertama sebanyak 15 tan nanas sudah terjual.

Malah, dia juga tidak me-

nyangka mampu menggaji lima pekerja untuk membantunya di ladang seluas 1.6 hektar yang diusahakan di Kampung Chin Chin Hulu.

"Saya tidak pernah menyesal tidak menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi memandangkan industri pertanian juga boleh pergi jauh sekiranya kita bersungguh-sungguh melakukannya," katanya.

Malah, Muhammad Sharifuddin juga semakin serius untuk meluaskan bidang penanaman nanas biarpun berdepan pelbagai cabaran termasuk persaingan dan kekurangan modal.

"Saingan memang tinggi tetapi melihat ramai kenalan yang memiliki kerjaya seperti jurutera dan pegawai bank sanggup berhenti kerja membuatkan saya tekad untuk meneruskan penanaman nanas sehingga berjaya.

"Saya juga ada menyampaikan hasrat kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md. Ali ketika beliau melawat ladang saya baru-baru ini untuk menyalurkan dana bagi mengusahakan tanaman di Chohong yang berkeluasan 4.8 hektar serta bantuan membuka gerai jualan," katanya.



MUHAMMAD Sharifuddin Murat menunjukkan nanas MD2 di ladangnya di Kampung Chin Chin Hulu, Jasin, Melaka, semalam. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

## 'Local padi yields more than imported ones'

**LOCAL** rice varieties produce higher yield than imported padi seeds, said Deputy Agriculture and Food Industry Minister Datuk Ahmad Hamzah. He said local rice varieties could be harvested within 110 days, yielding seven to 10 tonnes of rice per hectare. "Varieties such as MR253, MR220, MR303 and MR307 produce higher yields, so buying seeds from outside the country is not recommended for now." He said factors such as type of soil and weather conditions affected yield, so there was no guarantee that imported seeds could produce good yield here.

Kilang beras di Kuala Sanglang kembali operasi

# Keresahan pesawah berakhir

Oleh MOHD. HAFIZ

ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamula.com.my

**KANGAR:** Penamatan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar Secara Pentadbiran (Tempco) di Kuala Sanglang di sini bukan sahaja mengembirakan penduduk terbahit malah para pesawah di sekitarnya.

Selepas berminggu-minggu resah apabila salah sebuah kilang beras yang terletak di kawasan Temco itu tidak dapat beroperasi, kini mereka sudah boleh menghantar hasil tuai ke kilang berkenaan.

Para pesawah menzahirkan syukur dengan perkembangan tersebut selepas hampir berdepan risiko kerugian sekiranya hasil tanaman yang dituai tidak dapat dijual.

Seorang pesawah dari Kampung Sungai Baru, Razali Saad, 54, berkata, dia dan rakan-rakan lain gembira selepas mendapat perkhabaran kilang beras di Kuala Sanglang boleh beroperasi selepas pelaksanaan Temco di kawasan itu berakhir.

Katanya, dalam tempoh dua atau tiga hari lagi, hasil tanamannya di kawasan seluas tiga hektar boleh dituai dan akan dijual di salah sebuah kilang beras milik syarikat Dibuk Sdn. Bhd. di Kuala Sanglang.

"Pada awalnya saya buntu jika kilang tersebut hanya boleh ber-



**BEBERAPA pesawah melihat hasil padi yang dituai di Guar Sanji, Arau, Perlis semalam. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**

operasi hujung bulan ini, namun semalam kerajaan umumkan Temco berakhir.

"Menjelang sambutan kemerdekaan beberapa hari lagi, kami sudah bebas awal hari ini. Temco sudah berakhir dan pesawah tidak perlu lagi bimbang memikirkan hasil mereka akan dijual di mana," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Seorang lagi pesawah dari Sungai Padang, Kuala Sanglang, Ismail Sawai, 67, turut lega de-

ngan perkhabaran Temco sudah berakhir seterusnya kilang beras di kawasan tersebut kembali beroperasi.

"Alhamdulillah, sejak seminggu lalu saya runding memikirkan masalah ini. Setiap musim saya menjual lebih 300 tan metrik padi di kilang tersebut (Dibuk), kalau tak operasi mengundang masalah kepada kami," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Dibuk, Marzuki Othman, 62, berkata, kilangnya mula mem-

beli hasil padi para pesawah di kawasan tersebut bermula semalam.

"Alhamdulillah, kilang sudah kembali dibenarkan operasi selepas berakhirnya Temco. Kita menjangka membeli kira-kira 6,000 tan padi membabit 2,000 pesawah di kawasan Sanglang dan Simpang Empat," katanya.

Selain di kilang beras Dibuk, hasil padi pesawah juga boleh dihantar ke pusat belian padi di Padiberas Nasional Berhad (Ber-nas) di negeri ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

## **BERNAS sentiasa terima padi pesawah**

**KUALA LUMPUR:** Padi-beras Nasional Berhad (BERNAS) akan memastikan pasaran padi di kawasan yang terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) terjamin.

Pengarah Urusannya, Ismail Mohamed Yusoff berkata, sebagai syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk menjadi pembeli terakhir padi, BERNAS akan berkerja sama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Majlis Keselamatan Negara dalam memastikan pasaran padi di kawasan terlibat tidak terjejas.

"Sepanjang 26 tahun menggalas tanggungjawab sebagai pembeli terakhir padi, tidak pernah berlaku situasi di mana pesawah tidak dapat menjual hasil tuaian dan kami akan sentiasa memastikan kilang beras BERNAS menerima penjualan padi dari pesawah."

"Selain itu, BERNAS akan terus melestarikan tanggungjawab sosialnya seperti pengurusan stok-pail, menguruskan Skim Pengilang Bumiputera, Pengurusan Skim Subsidi bagi Pesawah dan lain-lain," tambah beliau.

Ismail juga berkata, kilang beras BERNAS masih beroperasi dan menerima setiap jualan padi daripada pesawah.

"Tuaian di Perlis setakat ini adalah 14 peratus, di mana kami jangkakan ia akan meningkat dalam minggu kedua September apabila musim menuai padi bermula," katanya.

Baru-baru ini para pesawah di Sanglang, Perlis melahirkan kebimbangan ekor an padi mereka yang sudah boleh dituai tidak ada tempat untuk dijual disebabkan kilang padi terpaksa ditutup ekor an pelaksanaan PKPD.

Namun, dengan penamatan pelaksanaan PKPD di kawasan terabit, petani kembali lega.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2020	HEAD TOPICS	ONLINE	

## Isu penyeludupan beras masuk Dewan Rakyat



Parlimen Ahli Parlimen Sik, Ahmad Tarmizi Sulaiman memaklumkan kegiatan berkenaan yang boleh menjejaskan pengeluaran padi negara

LAPORAN eksklusif Harian Metro berhubung sindiket borong beras Super Import yang menyeludup komoditi itu secara tidak sah dibawa ke Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau mengutarakan isu itu ketika soalan tambahan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) mengenai adakah kementerian bercadang untuk mengimport benih padi daripada negara pengeluar utama padi dunia. Isu

penyeludupan beras itu didedahkan Harian Metro susulan beberapa siri Op Smuggle oleh Bahagian Kawalselia Padi dan Beras sejak beberapa bulan lalu selepas mendapat maklumat mengenai kegiatan berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras Azman Mahmood berkata, isu berkenaan tidak boleh dipandang remeh kerana membabitkan keselamatan makanan serta pintu masuk negara yang tidak boleh dikompromi. AZMAN (kiri) memberi penerangan kepada Ahmad Tarmizi di bangunan parlimen susulan laporan eksklusif Harian Metro. FOTO Yusmizal Dolah Aling

Beliau kemudiannya memberi taklimat kepada Ahmad Tarmizi yang juga Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) di luar dewan berhubung isu penyeludupan itu dan meminta agar ia terus dibanteras demi menjamin industri serta keselamatan pengguna. Katanya, pihaknya akan meneruskan Op Smuggle bagi memastikan kegiatan berkenaan berjaya ditumpaskan.

Katanya siasatan pihaknya mendapati, semua beras berkenaan diseludup menerusi pintu masuk utama negara dan berada di pasaran secara terbuka. "Kita akan terus gempur. Penguatkuasa Kawalselia Padi dan Beras akan membuat pemeriksaan berterusan." Saya ingin memberi amaran kepada mereka di dalam industri termasuk pemborong agar tidak melanggar peraturan yang kita tetapkan.

"Ini kerana kesannya bukan saja kepada industri padi dan beras negara, tetapi risiko kesihatan kerana kita tidak tahu kandungan beras itu, bagaimana diproses dan sebagainya," katanya.

# Bebas boleh hilang deposit di Slim

**TUMPAT:** PAS yakin keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Slim akan berpihak kepada calon Barisan Nasional (BN) yang mewakili Perikatan Nasional (PN).

Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, sokongan rakyat begitu kuat terhadap kerajaan PN sekarang.

"Kita bukan hanya berhasrat untuk menang, sebaliknya berharap pihak lawan hilang deposit pada pertandingan tersebut.

"Kita yakin rakyat Slim menunjukkan sokongan kepada kerajaan PN dan menolak PH," katanya ketika ditemui media selepas Majlis Penyerahan Bantuan Program Pertanian Bandar di bawah (PENJANA) Parlimen Tumpat di perkarangan Masjid An-Nur, baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Exco Abdul Azziz Kadir dan Pengarah Jabatan Pertanian Kelantan Norbani Zakaria.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II berkata rakyat Kelantan menerima peruntukan sebanyak RM900,000 bagi Projek



**Che Abdullah Mat Nawi menyerahkan replika cek daripada Majlis Penyerahan Bantuan Program Pertanian Bandar.**

tu isi rumah.

"Dianggar seramai 3,697 penduduk terlibat dengan program berkenaan di 106 lokasi,"

ujarnya.

Pertanian Bandar di bawah Pakej Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

Katanya, peruntukan itu berjumlah RM10 juta untuk memban-



27/8/2020

NST

NEWS/NATION

12

# Durian farmers plan petition, hope king will intervene in dispute

**KUANTAN:** Durian farmers in Raub are hoping that Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Bilal Shah will step in and help resolve the land permit issue for their farms.

Save Musang King Alliance (Samka) president Wilson Chang said they were collecting signatures from licensed and unlicensed farmers before submitting an open letter to the king, who is also the sultan of Pahang.

"Some 1,000 farmers have endorsed the letter, and once we have done the necessary, we will send it to the king. We will personally deliver the letter to the palace.

"We hope to collect the signatures by this week and submit the letter early next week. All the farmers are keeping their fingers crossed for the king to assist in this matter," Chang said yesterday.

On Aug 24, 200 durian farmers gathered at Sungai Klau market, requesting Al-Sultan Abdullah to assist them in the land matter. Some carried pictures of the king during the gathering.

A recent joint venture deal between Royal Pahang Durian Group (RPD) and its partner State Agricultural Development Corporation (PKPP) had upset the farmers, who claimed that the deal would result in losses for small-scale farmers.

Last month, Tras assemblyman Chow Yu Hui had criticised the state government for disregard-

ing durian farmers' livelihood by setting up Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd without consulting them.

Chang said some Samka members, who were durian farmers without a permit, had yet to sign the agreement with Royal Pahang Durian Group (RPDG).

"As far as I am concerned, all those registered with Samka have not agreed or signed any contract with the private company.

"So far, some have only paid for entry permits, which will allow farmers to go into their farms to collect the fruits."

It is learnt that the entry permits were priced at RML000 per 0.4ha, and farmers had to pay based on the size of their farm.

Pahang Pakatan Harapan chairman Fuziah Salleh said it was time for the state government to identify a method which was acceptable and would not burden the durian farmers.

"Although they started by operating on government land, they have invested a lot (money and labour). We are fortunate to have a group of farmers who have worked hard for more than 30 years. The second generation now has gone on to produce the world-famous Musang King.

"A formula on how the state government can collect revenues from the farmers must be explored. The strategic business model between farmers and governments in other countries can be used as a guideline," she said.



Durian farmers gathering at Sungai Klau market recently to request Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Bilal Shah, who is sultan of Pahang, to assist in their land issue. PIC COURTESY OF TRAS ASSEMBLYMAN

# Syor beri kelulusan pekebun durian berjaya laksana projek

**Kuantan:** Pertubuhan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (PPNP) mencadangkan kerajaan negeri menyelesaikan isu kebun durian haram di Raub dengan memberikan kelulusan kepada pekebun sedia ada dan benar-benar layak serta terbukti berjaya menjalankan kerja dan projek.

Pengerusinya, Datuk Seri Zuhairi Ab Kadir, berkata ia lebih baik daripada terus menawarkan kelulusan kepada syarikat tertentu yang belum pasti mampu untuk melaksanakan projek berkenaan dengan berkesan dan berjaya.

"Kerajaan negeri juga boleh memberi kelulusan, namun pada masa sama meletakkan beberapa

syarat seperti pihak terbabit (penceroboh) perlu membayar denda setimpal atas kesalahan.

"Kemudian (kerajaan negeri) meminta mereka menjelaskan premium, sewaan atau pemilikan sementara tanah, membayar cukai dan mengutip hasil tahunan.

"Saya percaya usaha berkenaan lebih berkesan dan terjamin untuk menangani isu ekonomi di negeri ini malah membayar balik hutang-piutang ditanggung kerajaan negeri," katanya di sini, semalam.

1 Ogos lalu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr Sa-lehuddin Ishak memaklumkan penerokaan tanah secara haram

bagi penanaman durian menyebabkan kerajaan negeri mengalami kerugian kira-kira RM30 juta dalam tempoh 10 tahun akibat kehilangan hasil cukai tanah.

Susulan itu, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang menyatakan kerajaan negeri akan bertegas menangani isu penanaman durian haram di Raub kerana ada bukti pembukaan tanah haram terbabit terus bertambah di Sungai Ruan dan Sungai Chalit.

Zuhairi berkata, isu penerokaan tanah secara haram berleluasa menyebabkan berlaku pengaliran wang sehingga menimbulkan kerugian besar kepada



**Zuhairi Ab Kadir**

kerajaan negeri.

"PPNP menyokong tindakan tegas diambil kerajaan Pahang yang mewujudkan syarikat tujan khas (SPV) bagi menyelesaikan isu ladang durian haram di Raub.

"Itu hak kerajaan negeri dan menjadi tanggungjawab kerajaan mengambil tindakan tertakluk pada undang-undang sedia ada," katanya.

# Tebang durian, kerajaan negeri 'berterima kasih'

**KUANTAN:** Kerajaan Pahang tetap melakukan penguatkuasaan dengan menebang pokok durian ditanam secara haram atas tanah kerajaan negeri di Sungai Ruan, Raub dekat sini.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr. Sallehuddin Ishak berkata, beliau 'berterima kasih' kepada pekebun di situ yang bertindak menebang sendiri pokok durian Musang King mereka.

"Mereka (pekebun) dah bantu kerja kita, saya berterima kasih. Kita tetap akan melakukan penguatkuasaan dengan menebang pokok di situ jika

tanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Semalam, akhbar ini melaporkan lebih 200 pekebun kecil yang membentuk jawatankuasa khas Perikatan Selamatkan Musang King (Samka) mengadakan demonstrasi aman di Sungai Ruan bagi membantah tindakan Syarikat Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn. Bhd. yang meminta mereka menandatangani kontrak.

Pengerusi Samka, Wilson Chang berkata, kira-kira 800 pekebun yang meneroka tanah di situ 40 tahun lalu kecewa se-

lepas mendakwa diperlakukan secara tidak adil sehingga ada yang menebang pokok durian mereka.

Sallehuddin berkata, pekebun durian terlibat tidak boleh mengaku tanah tersebut milik mereka kerana ia diteroka secara haram atau dalam istilah mudahnya mereka mencuri.

"Kita (kerajaan negeri) tawarkan mereka dengan kontrak yang adil dan setimpal, selain selama ini mereka tidak fikir pula teroka tanah di situ sekian lama tanpa bayar satu sen pun," kata beliau.

## Sanggup tebang Musang King

UL HASHID ABDUL RAHMAN

Persekitaran tanah kerajaan di Sungai Ruan, Raub, Pahang, telah mengalami perubahan sejak kerajaan negeri mengambil alih kawasan itu. Pihak berkuasa setempat telah mengambil tindakan tegas terhadap pekebun yang menebang pokok durian Musang King mereka.

pekebun Musang King utama di situ, dan ia yang mana durian dari kawasan itu menghidupkan nama negara di pentas antarabangsa.

"Kesalahan pekebun hanya tidak mempunyai permit atau geran walupun permohonan kerap dibatalkan. Kami tidak minta simpati tetapi hanya mem-

UTUSAN  
Malaysia  
semalam.

mereka tidak patuh dengan kontrak.

"Jika hendak kekal di situ, patuh saja syarat. Kita tidak akan berkompromi lagi dengan peneroka tanah haram," ka-

Headline	Nga Kor Ming: Durian orchard awarded to business group who lose RM2.7 mil		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	27 Aug 2020	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A22	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	352 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,667
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,000



倪可敏：农业部应解释

# 榴梿芭颁给亏270万集团

(吉隆坡 26 日讯) 行动党安顺国会议员倪可敏促请农业部解释，为何劳勿榴梿芭的项目会颁发给一家亏损的彭亨皇家榴莲集团。

倪可敏揭露，负责经营的劳勿榴梿芭事件中的彭亨皇家榴莲集团 (RPDG) 的缴足资本只有 100 万令吉，亏损高达 270 万令吉，而收入仅有 702 令吉，还要是没有经过公开招标就直接获得有关榴梿芭的经营权。

对此，农业部副部长拿督仄阿都拉

回应，劳勿榴梿芭的发展项目属于州政府的问题，与该部完全没有关系。但是，该部可以提供指导服务和基础设施的援助。

## 副部长：与农业部无关

倪可敏在下议院向农业及食品工业部副部长拿督仄阿都拉提出附加提问

时指出，目前劳勿榴梿芭农民面对被驱赶问题，甚至不惜向榴梿树下毒药，以阻止彭亨皇家榴莲集团得到榴梿收获，农业部在此事件中的立场及要如何解决这项问题，以达致双赢局面。

“农业部如何维护农民的福利，一些农民已在榴梿芭种植长达 40 年。”

Headline	Nga Kor Ming says Royal Pahang Durian Group suffers almost RM2.7mil losses		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	27 Aug 2020	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	14	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	307 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,590
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,769



# 彭皇家榴梿集团 倪可敏指亏近270万

吉隆坡26日讯 | 彭亨劳勿猫山王榴梿园事件闹得沸沸扬扬，行动党安顺国会议员倪可敏指出，根据大马公司委员会资料，负责经营劳勿榴梿园的彭亨皇家榴梿（RPD）集团的缴足资本只有100万令吉，亏损却高达近270万令吉，收入才702令吉。

「为何特许经营合约会给这样一个面临亏损的公司？而且是在没有经过公开招标下颁发，希望农业部可以给予解释。」

倪可敏今日在国会下议院附加提问环节发问时提到，数百名劳勿猫山王榴梿业者遭到驱赶，甚至要杀死多年栽种的榴梿树，避免让特许经营公司彭亨皇家榴梿集团获利，因此询问农业部要如何解决此事并维护农民福利，达至双赢局面。

农业及食品工业部副部长拿督阿都拉表示，此事属于彭亨州政府管辖范围，农业部只能够给予建议。「此事与农业及食品工业部无关，我们只能够在种植和设施上，给予建议和咨询。」

## 鼓励农民有机种植

另外，倪可敏也询问农业部要如何发展有机猫山王榴梿产业，从阿都拉提到，政府鼓励农

民有机种植所有农作物。

他说，农业部有相关的有机证书，可以帮助有机农作物拥有更好的市场。他举例，出口中国的猫山王榴梿都有获得大马良好农业规范（myGAP）认证，有MyGAP认证农作物在种植时必须使用合规的肥料和农药。

他指出，该部计划向农民和业者宣传使用有机肥料和有机种植方式的好处，同时也鼓励年轻一代投入有机农业。

Headline	`Royal Durian loses RM2.7 mil`		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	27 Aug 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	17	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	114 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,455
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,364



(吉隆坡26日讯)行动党安顺区国会议员倪可敏揭露，根据大马公司委员会资料，负责经营劳勿榴梿芭的彭亨皇家榴梿集团 (RDPG) 的缴足资本只有100万令吉，亏损高达270万令吉，收入只有702令吉，而且是在没有经过公开招标直接颁布给有关公司。

他在下议院向农业部副部长拿督仄阿都拉提出附加提问时表示，目前劳勿榴梿芭农民面对被驱赶问题，甚至不惜向

## “皇家榴梿虧損270萬”

### 倪可敏：為何能直接頒布榴梿芭？

榴梿树下毒药，以阻止彭亨皇家榴梿集团得到榴梿收获，询问农业部的立场，要如何解决这问题以便达到双赢局面。

“农业部要如何维护农民的福利，一些农民已从事榴梿芭长达40年。”

他也要求该部解释，为何

劳勿榴梿芭的项目会颁发给一家亏损比收入更高的彭亨皇家榴梿集团。

### 仄阿都拉： 榴梿芭項目屬州政府

农业部副部长拿督仄阿都拉表示，劳勿榴梿芭的发展项

目属于州政府的问题，与该部完全没有关系。

但他表示，该部可以提供的援助包括指导服务和基础设施。

此外，倪可敏也询问农业部将会采取什么措施以有机方式发展榴梿种植，确保控制其品质和品质持续保持，副部长表示，政府的意愿是希望各种蔬果以有机方式栽种，除了获得证书，以确保有关农产品可以得到最好的市场。

Headline	Raub durian orchards granted to loss-making company		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	27 Aug 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A6	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	224 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,394
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,182



# 倪可敏：沒公開招標 勞勿榴梿芭頒虧損公司

(吉隆坡26日讯) 行动党安顺区国会议员倪可敏揭露，根据大马公司委员会资料，彭亨皇家榴梿集团 (RPDG) 的缴足资本只有100万令吉，亏损高达270万令吉，收入只有702令吉，他质疑农业部为何会把劳勿榴梿芭的项目颁发给一家亏损比收入更高的集团经营，而且还是直接颁布，没有经过公开招标。

他在下议院质问农业部副部长拿督仄阿都拉在这起事件上的立场。目前劳勿榴梿芭农民面对被驱赶问题，甚至不惜向榴梿树下毒药，以阻止彭亨皇家榴梿集团得到榴梿收获。

“农业部要如何维护农民的福利，取得双赢的局面？一些农民已从事榴梿芭长达40年。”

## 副农长称属州政府问题

仄阿都拉回应说，劳勿榴梿芭的发展项目属于州政府的问题，与该部完全没有关系，但该部可能提供包括指导服务和基础设施的援助。

此外，针对倪可敏询及农业部将会采取什么措施以有机方式发展榴梿种植，确保控制品质和品质持续保持，副部长表示，政府的意愿是希望各种蔬果以有机方式栽种，除了获得证书，以确保有关农产品可以得到最好的市场。

# Elak kerajaan tanggung rugi besar

Pekebun durian haram perlu patuh skim pengesahan pendudukan tanah

Oleh NOR KHALILAH GUSTI HASSAN

## KUANTAN

Pekebun tanah haram perlu mematuhi skim pengesahan pendudukan tanah di sisi undang-

undang (*legalisation scheme*) bagi memastikan kerajaan negeri mahupun pengusahataniaman tidak menanggung kerugian lebih besar.

Setaubasa Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak berkata, buat masa ini kerajaan masih mempertimbangkan untuk membenarkan pengusahataniaman durian meneruskan penanaman di kebun tetapi mereka perlu membuat permohonan di bawah *legalisation scheme*.

"Contohnya Cameron Highlands, Cameron strategik Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands untuk melaksanakan pembersihan dan kita sudah hampir selesai. Sekarang sedang melakukannya di Raub menerusi syarikat tujuan khas (SPV) bagi menyelesaikan isu ladang durian haram di daerah tersebut.

"Syarikat itu akan menguruskan tanaman durian secara komersial di mana peladang-peladang juga akan mendapat manfaat daripadanya. Kita sudah buat *legalisation scheme* dan mereka perlu patuhinya. Kalau tidak kerajaan rugi. Pekebun-pekebun haram ini mereka dah lama teroka tanah, kalau kerajaan tidak tegas maka sampai bila pun isu ini

tidak akan selesai," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan Pahang menyerahkan kepada pihak polis bagi mengambil tindakan terhadap penempatan tanah haram termasuk penanaman di atas tanah kerajaan dan hutan simpan yang masih bertelusan hingga kini.

Selain pihak polis, katanya, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang juga diberikan mandat untuk menguruskan perkara itu termasuk pembersihan di mana-mana lokasi penempatan jika dirasakan perlu.

"Keputusan kerajaan negeri hanya memberi kebenaran memasuki dan menduduki tanah kerajaan kepada syarikat usaha sama kerajaan negeri. Pihak yang didapati mencoboh akan diambil tindakan dan itu kita sudah serahkan kepada pihak polis serta pejabat tanah," katanya.

Terdahulu dalam satu kenyataan akhbar, Sallehuddin berkata, kerajaan negeri tidak akan bertolak ansur dengan perkara itu dan akan mengambil tindakan terhadap pengedaran berdasarkan perumukan Seksyen 425, Kanun Tanah Negara 1965.

FOTO: PMP



Katidangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNNP) memuatkan pokok durian yang ditanam secara haram dalam kawasan hutan simpan di Raub baru-baru ini.

Pihak berkenaan boleh dikenakan denda tidak lebih RM500,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

Menurut kenyataan itu lagi, tindakan tegas perlu segera diambil bagi menangani isu penanaman durian secara haram di Raub memandangkan terdapat bukti pembukaan tanah haram untuk tanaman raja buah itu terus bertamabah di kawasan berkenaan.

Isu pencerobohan tanah untuk penanaman durian secara haram sebelum ini dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Raub, Tengku Zulpuri Shah Raja Puiji di Dewan Rakyat pada 23 Julai lalu.

Dianggarkan seluas 4,400 hektar tanah diusahakan secara haram untuk penanaman durian di beberapa kawasan di Raub.



SALLEHUDDIN

## Jadikan pekebun durian rakan kongsi strategik

KUANTAN - Kerajaan Pahang disaran mencari langkah terbaik dalam menyelesaikan masalah penempatan tanah haram yang dijadikan kebun durian oleh pengusaha tempatan di negeri ini.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Pahang, Fuziah Salleh berkata, kerajaan Pahang mungkin boleh menjadikan pengusaha ladang durian terutama musang king sebagai rakan kongsi strategik.

"Kerajaan negeri perlu mencari jalan yang membawa keuntungan kepada pihak kerajaan dan pada masa sama tidak meminggirkan pengusahataniaman yang bertungkus lumus selama ini.

"Kerajaan negeri harus memikirkan formula bagaimana kerajaan negeri boleh mengutip hasil yang dapat dikongsi bersama dengan pengusaha. Model perniagaan strategik antara pekebun dengan kerajaan di negara lain boleh juga dijadikan garis panduan.

"Bagi saya, tindakan mengempung kawasan ladang dengan meletakkan anggota keselamatan merupakan tindakan yang keterlaluan. Selama ini mereka mengusahakan tanah kerajaan tanpa bantuan. Kini bila ia nampak memabukkan hasil lumayan, kerajaan negeri bertindak demikian," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Fuziah berkata, negeri Pahang cukup bertuah kerana mempunyai tanah subur di Raub untuk durian jenis musang king yang terbaik dari segi kualiti serta mampu meraih harga yang tinggi.

"PH Pahang meryeru kepada kebijaksanaan kerajaan negeri dalam menangani isu ini. Jangan sampai usaha pekebun selama 30 tahun jadi sia-sia. Tentu sekali boleh dicari jalan penyelesaian menang-menang. Jangamiti sampai yang menang, kata beliau.



FUZIAH



# Pekebun musang king perlu dibela



**Analisis  
BERITA**

ONG BOON TECK

Beberapa pekebun musang king di Raub, Pahang yang sanggup menebang pokok durian yang ditanam hasil titik peluh mereka sendiri menimbulkan kejutan dan tanda tanya kepada ramai orang.

Tindakan mereka yang boleh dilihat dalam rakaman video dan ditular beberapa hari yang lalu turut mendapat simpati, lebih-lebih lagi penggemar musang king yang menatap pokok itu rebah satu demi satu ke tanah.

Apakah yang berlaku sebenarnya di sebalik kejadian yang pada Isnin lalu itu? Situasi itu rupa-rupanya adalah tindakan pekebun durian untuk melepaskan perasaan geram, kecewa dan marah.

Mereka mendakwa adalah lebih baik membiarkan pokok-pokok durian musnah daripada diambil alih oleh syarikat korporat dengan sewenang-wenangnya tanpa perlu mengeluarkan setitik peluh.

Pada hari yang sama itu juga, sekumpulan pekebun durian yang mengusahakan tanaman durian atas tanah kerajaan tanpa kebenaran, memegang pelbagai sependuk dan melancarkan slogan meminta kebun mereka diselamatkan.

Kerajaan Pahang sebelum ini dilaporkan akan bertindak terhadap semua kebun haram di Kampung Sungai Ruan dan Kampung Chalit, Raub bermula Ahad lalu.

Bermula pada Ahad lalu,



Ahli Dewan Undangan Negeri Traa, Chow Yu Hul (empat dari kanan) bersama ahli-ahli Perikatan Selamatkan Musang King (Samka) ketika berhimpun mengadakan bantahan di pasar Sungai Kluau Raub, Pahang pada tetin lalu.

kerajaan negeri menerusi Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang telah mengambil alih tanaman durian dan buah-buahan yang diusahakan secara haram di kedua-dua kampung tersebut.

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang dalam kenyataan memberi amaran akan mengambil tindakan sama ada didakwa di mahkamah atau dimusnahkan tanaman berkaitan jika terdapat pihak yang mencerooboh selepas tarikh itu.

Kerajaan negeri dilaporkan telah memaklumkan bahawa tanah yang diduduki secara haram itu dipajakkan kepada Royal Pahang Durian Produce-PKPP Sdn Bhd (RPDP-PKPP), di mana kedua-dua syarikat itu adalah usaha sama antara Royal Pahang Durian Group (RPDG) dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP).

(RPDP-PKPP) bakal mengendalikan kilang pemprosesan durian terbesar negara bernilai RM40 juta yang dijangka siap pada Jun 2021.

Di bawah perjanjian yang ditandatangani pada 12 Mac lalu, RPDP-PKPP akan melabur bersama dalam membina, memiliki dan mengendalikan kemudahan pemprosesan durian yang canggi di Raub, dengan kapasiti pembejukan awal 3,500 tan metrik sebulan.

RPDR dianggotai oleh beberapa tokoh korporat dalam lembaga pengarah dengan Tengku Puteri Raja Tengku Puteri Iman Afzan Al-Sultan Abdulillah dilantik sebagai pengerusinya.

Ternyata di bawah perancangan yang disusun atas kerjasama dua buah syarikat itu, proses pengeluaran musang king di negara kita pastinya akan lebih produktif dan profesional.

Bagaimanapun, nasib pekebun durian di Kampung Sungai Ruan dan Kampung Chalit tidak boleh dipinggirkan begitu sahaja. Kerajaan negeri selain perlu memastikan usaha penanaman mereka boleh diteruskan seperti sediakala, malahan hasil pengeluaran mereka juga dapat dijual mengikut harga yang munasabah.

Bagi menyelesaikan masalah timbul, diharapkan ia dapat membawa situasi 'menang-menang' kepada kedua-dua pihak, iaitu syarikat dan pekebun haram. Rundingan perlu diatru dengan serta-merta.

Sebelum ini sudah terdapat rungutan sesetengah pekebun mendakwa kontrak yang ditawarkan kepada mereka itu termasuk bayaran levi yang dikenakan terlalu tinggi.

## Bayaran levi

Bayaran levi yang dikenakan sebanyak RM6,000 per ekar (dengan kira-kira 30 pokok durian yang matang) pada tahun 2020 akan dikenakan kepada pekebun.

Ini bermakna sekiranya seorang pekebun yang memiliki tanah seluas 10 ekar, mereka perlu membayar sewa RM60,000 bagi tahun ini.

Wakil-wakil rakyat Pakatan Harapan (PH) di Pahang turut meminta kerajaan negeri tidak mengambil sebarang tindakan terhadap pekebun yang mengusahakan tanaman durian secara haram di atas tanah kerajaan negeri.

Mereka mahu pekebun yang dianggarkan lebih kurang 500 orang yang mengusahakan tanaman durian di kedua-dua kampung itu diberikan keutamaan sebagai penyewa sah berbanding memberikannya kepada pihak syarikat korporat dan syarikat swasta.

untuk diusahakan.

Pemimpin-pemimpin pembangkang itu menyoal, sekiranya kerajaan negeri membuat keputusan untuk menyewa tanah dusun durian, kenapa tidak memberi keutamaan kepada pekebun-pekebun tempatan yang telah mengusahakan dusun sejak berpuluh-puluh tahun?

Bagi memberikan peluang kepada pekebun-pekebun musang king meneruskan kerja penanaman mereka, kerajaan negeri seharusnya memikirkan sedalam-dalamnya akan nasib dan masa depan mereka.

Kerajaan negeri juga mesti mengambil kira masa dan tenaga yang dicurahkan oleh pekebun tempatan setelah mereka berjaya membawa imej musang king di persada antarabangsa sambil membantu mienjana pendapatan kepada negara.

Memang tidak dinafikan, pencerobohan tanah adalah satu tindakan yang merugikan kerajaan negeri kerana kerajaan gagal memperoleh hasil kutipan cukai tanah.

Setiasaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Sallehuddin Ishak mengakui Pahang telah rugi sebanyak RM30 juta hasil cukai tanah susulan pencerobohan tanah untuk penanaman durian secara haram di Raub membabitkan kawasan seluas 4,400 hektar tanah.

Mulai Selasa lalu, pihak polis mula membuat sekatan di jalan masuk ke kebun-kebun durian haram berkenaan. Keputusan itu bertujuan mengelakkan mana-mana individu mencerooboh kawasan kebun yang telah dipajakkan oleh kerajaan negeri kepada RPDP-PKPP.

Diharapkan isu membabitkan sara bidup pekebun seperti ini dapat diselesaikan dengan baik. Jawatankuasa Perikatan Selamatkan Musang King (Samka) yang dibentuk dan ditugaskan mewakili pekebun haram di Raub perlu bijak memainkan peranan untuk menyelesaikan isu tanpa sebarang agenda peribadi.

Begitu juga dengan kerja-kerja penanaman musang king. Ia tidak boleh diabaikan sehingga menjejaskan produktiviti. Ketika kerajaan negeri berusaha untuk memutilkan tanah tidak berdaftar, nasib pekebun-pekebun durian ini pun harus dibela.

Kita turut berharap pekebun-pekebun haram ini perlu berlapang dada dan berusaha mencari jalan penyelesaian bagi menjamin kelangsungan hidup mereka.

Demi musang king dan kepentingan negara, tidak salahnya kedua-dua pihak bertolak ansur untuk mencapai kata sepakat. Perbuatan menebang pokok sesungguhnya hanya melepaskan perasaan dendam. Ia tidak membawa faedah kepada mana-mana pihak.



# Senarai 20 kementerian didedahkan

Keluar tender kerajaan secara rundingan terus bernilai RM6.61 bilion semasa pemerintahan PH

Oleh JUNHAJRI ALYASA

PUTRAJAYA

**K**ementerian Kewangan mendedahkan senarai 20 kementerian yang mengeluarkan tender kerajaan secara rundingan terus bernilai RM6.61 bilion semasa pemerintahan Pakatan Harapan (PH).

Antara kementerian yang membuat perolehan yang tinggi ialah Kementerian Pengangkutan dengan nilai perolehan sebanyak RM4,477.76 bilion, Kementerian Pertahanan (RM900.86 juta) dan Kementerian Dalam Negeri (RM517.68 juta).

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, perolehan secara rundingan terus dibenarkan dengan kelulusan Kementerian Kewangan.

Menurutnya, ia adalah berdasarkan peruntukan sedia ada di bawah Seksyen 6(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972) dan pekeliing-pekeliing perbendaharaan yang berkaitan.

"Rundingan terus dibenarkan atas dasar proses perolehan yang memenuhi salah satu atau lebih daripada syarat-syarat iaitu perolehan bekalan dan perkhidmatan melibatkan keperluan mendesak yang mana jika perolehan tersebut tidak dilaksanakan dengan segera, ia boleh

memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan serta kepentingan negara.

"Selain itu, keperluan penyeragaman bagi memastikan kesesuaian penggunaan (*compatibility*) antara barangan sedia ada dengan barangan baharu yang diperolehi. "Satu punca bekalan atau perkhidmatan iaitu pengeluaran produk atau penyediaan perkhidmatan hanya boleh dibekalkan daripada satu sumber.

"Keselamatan/strategik yang melibatkan perolehan item atau perkhidmatan demi keselamatan atau kepentingan strategik negara.

"Kontrak dengan syarikat pembuat (*manufacturer*) bumiputera yang memenuhi semua syarat kelayakan," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Tengku Zafrul berkata, proses tersebut melibatkan permohonan daripada kementerian-kementerian lain kepada MOF.

"Semasa pentadbiran sebelum ini, sejumlah 101 projek atau perolehan yang bernilai RM6.61 bilion telah diluluskan secara rundingan terus oleh MOF.

"Dalam beberapa hari yang lalu, terdapat permintaan dibangkitkan berkaitan perkongsian senarai 101 maklumat projek yang telah diluluskan melalui proses rundingan terus ini atas dasar mendokong urus tadbir yang baik demi ketelusan pentadbiran," jelasnya.

Isnin lalu, Tengku Zafrul menjawab soalan Datuk Seri Ahmad Maslan (BN-Pontian) yang bertanya sama ada wujud projek secara rundingan terus ketika pentadbiran terdahulu. Soalan itu dikemukakan Ahmad ketika mencah dalam sesi penggulangan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Covid-19 2020) di Dewan Rakyat.



TENGGU ZAFRUL

## SENARAI KEMENTERIAN YANG MELAKSANAKAN TENDER SECARA TERUS SEMASA KERAJAAN PH

KEMENTERIAN	BILANGAN TENDER	NILAI PEROLEHAN	MENTERI
Kementerian Pengangkutan	4	RM4.47 bilion	Anthony Loke
Kementerian Pertahanan	6	RM900.86 juta	Mohamad Sabu
Kementerian Dalam Negeri	8	RM517.68 juta	Tan Sri Muhyiddin Yassin
Kementerian Komunikasi dan Multimedia	12	RM380.12 juta	Gobind Singh Deo
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2	RM170.79 juta	Zuraida Kamaruddin
Kementerian Pendidikan	7	RM87.49 juta	Dr Maszlee Malik
Kementerian Kesihatan	4	RM10.87 juta	Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	9	RM10.36 juta	Datuk Darell Leling
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	7	RM8.46 juta	Yeo Bee Yin
Kementerian Kewangan	4	RM9.03 juta	Lim Guan Eng
Jabatan Perdana Menteri	5	RM8.18 juta	Tun Dr Mahathir Mohamad
Kementerian Pembangunan Luar Bandar	2	RM7.36 juta	Datuk Seri Rina Harun
Kementerian Belia dan Sukan	1	RM6.45 juta	Syed Saddiq Syed Abdul Rahman
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	8	RM6.15 juta	Datuk Seri Salahuddin Ayub
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	13	RM5.67 juta	Datuk Dr Xavier Jayakumar
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	1	RM1.18 juta	Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi	4	RM1.17 juta	Datuk Seri Mohamed Azmin Ali
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	2	RM0.57 juta	Datuk Mohammadin Ketapi
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggawa	1	RM0.16 juta	Datuk Seri Saifuddin Nasution
Kementerian Wilayah Persekutuan	1	RM0.096 juta	Khalid Abdul Samad

JADUAL WAKTU SOLAT							
	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK	
PERLIS	5:55	7:13	1:23	4:30	7:29	8:40	
ALOR SETAR	6:03	7:11	1:22	4:30	7:29	8:39	
PULAU PINANG	6:04	7:11	1:22	4:30	7:28	8:39	
IPOH	6:02	7:08	1:20	4:29	7:26	8:36	
KOTA BHARU	5:56	7:05	1:15	4:23	7:22	8:28	
KUALA TERENGGANU	5:53	7:02	1:11	4:20	7:17	8:27	
KUALA LUMPUR	5:55	7:04	1:12	4:23	7:16	8:26	
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	6:00	7:08	1:17	4:28	7:22	8:32	
SIAH ALAM	6:00	7:08	1:17	4:28	7:22	8:32	
SEREMBAN	5:59	7:08	1:16	4:28	7:20	8:30	
BANDAR MELAKA	5:59	7:08	1:15	4:27	7:19	8:29	
JOHOR BAHRU	5:53	7:02	1:09	4:22	7:12	8:22	

Sumber data pada portal [www.e-solat.gov.my](http://www.e-solat.gov.my)

• PENGERUSI, PENGARAH URUSAN DAN PENERBIT: DATU (DR) HUSSAMUDDIN BI YACUB  
 • KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF GROUP SINAR KARANGKRAF: FARAH HUSSAMUDDIN • KETUA PENGARANG KUMPULAN: DATUK BAHARUM MAHUSIN  
 • PENGARANG EKSEKUTIF (CETAK): AZMI TARIMIZI • PENGARANG EKSEKUTIF (DIGITAL): RIZY ADILA IDRIS • TIMBALAN PENGARANG BERITA: ONG BOON TECK, BADRULDIN ZAKARIA, ZAMRI RAMBOLI, ZUKI PILEH  
 • PEMANGKU PENGURUS JABATAN IKLAN: ANOOL FADLEY LIMIN • PENGARAH KREATIF KANAN: NORAZLAN ISMAIL

• Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No. 3, Jln Rancangan 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51012888 Faks: 03-51012333 • Dicitak oleh Ultimate Print Sdn Bhd., Lot 2, Jln Sepena 15/3, Off Pemandaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 0351013301 • Tel: 03-51017480 (Unit Langganan Karangkraf Mail) • E-mail: [ed@sh@sinarharian.com.my](mailto:ed@sh@sinarharian.com.my)